

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3

## Tujuh penanda aras ditetapkan

# Tujuh penanda aras ditetapkan

Sasaran jangka sederhana untuk dicapai dalam tempoh 10 tahun

Oleh Hazwan Faisal Mohamad dan Ahmad Suhael Adnan  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat yang menjadi kerangka ekonomi baharu Malaysia menetapkan tujuh penanda aras sebagai sasaran jangka sederhana untuk dicapai dalam tempoh 10 tahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang melancarkan kerangka baharu itu semalam, berkata antara penanda aras adalah memastikan Malaysia berada di kedudukan antara 30 ekonomi terbesar dunia; Indeks Daya Saing Global Malaysia di tangga ke-12 teratas dunia dan peratusan pendapatan buruh mencapai 45 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan.

Selain itu, ia juga bermatlamat meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja sehingga 60 peratus; kedudukan Malaysia dalam Indeks Pembangunan Manusia di tangga 25 teratas dunia; Indeks Persepsi Rasuah negara di tangga 25 teratas dunia; dan kemampunan fiskal dengan defisit fiskal mencapai tiga peratus atau lebih rendah.

Bagi memastikan Malaysia berada di kedudukan antara 30 ekonomi terbesar dunia, Perdana Menteri berkata, Ekonomi MADANI perlu menjadikan negara sebagai jaguh ekonomi serantau dengan membentuk integrasi ekonomi lebih besar dengan negara jiran.

Bagi tujuan itu, Malaysia perlu melahirkan lebih banyak syarikat tempatan berdaya saing tinggi untuk menembusi pasaran ASEAN, selain aktiviti sektor bernilai tambah tinggi.

"Misalnya kluster di Pulau Pinang perlu memumpunkan kepada aktiviti elektronik dan elektronik (E&E) bernilai tinggi seperti rekaan litar bersepadu (IC)," katanya berucap merasmikan Peluncuran Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat di sini, semalam.

Anwar menggariskan tiga aspek untuk Malaysia memperhe-



batkan usaha memastikan lebih syarikat terkemuka memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan, sekali gus mencapai matlamat untuk menempatkan Malaysia di tangga ke-12 teratas dalam Indeks Daya Saing Global.

### Perhebat tiga aspek

Tiga aspek itu adalah memperkukuh agensi galakan pelaburan di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), mengkaji semula insentif pelaburan dan menaik taraf kawasan perindustrian dengan prasarana lengkap.

"Pada masa sama, pelaburan langsung domestik (DDI) turut ditetapkan sebagai antara petunjuk prestasi utama (KPI) bagi pencapaian pelaburan negara," katanya.

Berhubung usaha meningkatkan peratusan pendapatan buruh, Perdana Menteri memaklumkan kerajaan akan melaksanakan dasar yang menyokong peningkatan upah berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada 45 peratus, selaras negara lebih maju.

Antara usaha ke arah itu termasuk mengkaji semula gaji mi-

nimum, memperkenalkan undang-undang menjamin persekitaran kerja yang selamat dan selesa, memperhalusi model gaji progresif dan mengurangkan keberangan kepada buruh asing.

Ekonomi MADANI juga akan memberi tumpuan pada usaha tuntas dari aspek perundangan dan kawal selia program sokongan bagi menggalakkan golongan ibu kembali bekerja.

Ia antara langkah bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh kepada 60 peratus.

Kerajaan juga mahu menangani isu sistemik seperti kerja penjagaan tanpa gaji, diskriminasi jantina serta dasar sokongan keluarga.

Dalam usaha memerangi rasuah, Perdana Menteri menyatakan komitmen melaksanakan tata kelola yang baik menerusi pembaharuan struktur, sistem dan institusi, khususnya melalui reformasi Parlimen yang bermula sejak 2018.

Beliau juga memberi jaminan akan terus mengangkat dan memperkasakan kebebasan media, selain merangka mekanisme subsidi yang lebih cekap dan besar bagi mengelak ketirisan.